

ARTIKEL MAJUTAN JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI JULAI HINGGA DISEMBER 2024

BENGKEL PENDEDAHAN & PEMAHAMAN PELAN INDUK RANGKAIAN EKOLOGI *CENTRAL FOREST SPINE* (PIRECFS) 2022 BIL.1/2024 NEGERI PERAK

**DISEDIAKAN OLEH:
AZHAR BIN ANUAR
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**

PULAU PANGKOR, 23– 25 JULAI 2024

Central Forest Spine atau CFS merupakan gabungan kompleks hutan yang terdiri daripada kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK), Hutan Tanah Kerajaan (HTK), Taman Negara, Taman Negeri dan Rizab Hidupan Liar, tanah pertanian dan kawasan tepu bina yang menjadi tulang belakang bagi Kawasan Sensitif Alam Sekitar atau lebih dikenali sebagai KSAS. Kawasan Sensitif Alam Sekitar ini merupakan suatu kawasan khas yang sangat sensitif kepada sebarang bentuk perubahan kepada ekosistemnya akibat daripada proses alam semula jadi atau aktiviti di dalam atau di sekitarnya, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Central Forest Spine di Semenanjung Malaysia merentasi lapan (8) buah negeri dan melibatkan lima puluh lapan (58) daerah. Dengan mengambil kira kepentingan kawasan CFS yang mempunyai sumber asli bernilai tinggi dan menjadi habitat kepada pelbagai spesies flora dan fauna serta menjadi punca sumber air mentah dan oksigen, maka Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* perlu diwujudkan agar dapat menghubungkan kompleks hutan yang terpisah dan hidupan liar dapat bergerak tanpa sebarang gangguan dan ancaman. Bagi memastikan Rangkaian kawasan hutan di Semenanjung Malaysia dan Biodiversiti Negara terpelihara dan berdaya laksana, Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) ke-40 pada 20 Julai 2022 telah meluluskan secara dasar Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 bagi menggantikan PIRECFS 2010. PIRECFS 2022 ini mengandungi 5 Objektif, 14 Strategi, 38 Tindakan dan 228 Inisiatif yang perlu dilaksanakan secara berfasa bagi tempoh tahun 2022 hingga 2040. Pelan induk ini melibatkan 39 rangkaian ekologi CFS di mana 20 daripadanya merupakan rangkaian utama atau *primer linkage* manakala selebihnya iaitu sebanyak sembilan belas (19) rangkaian merupakan rangkaian sekunder atau *secondary linkage*.

Di Negeri Perak mempunyai lapan (8) Rangkaian Ekologi CFS dengan keluasan 54, 617 hektar yang mana lima (5) rangkaian utama dan tiga (3) rangkaian sekunder. Kerajaan Negeri Perak komited terhadap kepentingan dan sumbangan rangkaian ekologi ini di mana Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Perak Bil. 1 Tahun 2022 telah meluluskan dengan menerimapakai PIRECFS 2022 di peringkat Negeri pada 22 Februari 2022. Bagi memastikan visi pelan induk ini tercapai, maka Jabatan Perhutanan Negeri Perak telah menganjurkan Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 Bil.1/2024 Negeri Perak pada 23 hingga 25 Julai 2024 di Puteri Bayu Beach Resort, Pulau Pangkor. Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan, kefahaman dan penyelarasan mengenai strategi, tindakan dan inisiatif PIRECFS 2022 kepada setiap agensi pelaksana dan agensi sokongan di Negeri Perak. Antara pengisian program di dalam bengkel ini adalah pameran berkaitan CFS Negeri Perak, ceramah/taklimat dan perbincangan kumpulan mengikut objektif PIRECFS 2022. Penganjuran bengkel ini adalah selari dengan Tindakan 4.3b di bawah PIRECFS 2022 iaitu Meningkatkan Kesedaran serta Penglibatan Awam Dalam Usaha Memelihara, Memulihara dan Melindungi Hutan.



Gambar 1: Penerangan berkaitan *Central Forest Spine* Negeri Perak kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (Pembangunan), Puan Halizah binti Sipun



Gambar 2: Perbincangan Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 Bil.1/2024 Negeri Perak



Gambar 3: Perbincangan Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 Bil.1/2024 Negeri Perak



Gambar 4: Pendedahan dan Perbincangan Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 Bil.1/2024 Negeri Perak



Gambar 5: Peserta Bengkel Pendedahan & Pemahaman Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 Bil.1/2024 Negeri Perak